

PM: Malaysia selamat daripada penggganas

UM 2 - JAN 2003

KUALA LUMPUR 1 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, majlis sambutan tiga perayaan peringkat nasional yang berlangsung tanpa sebarang insiden baru-baru ini merupakan bukti nyata bahawa Malaysia adalah selamat daripada sebarang serangan penggganas.

Menurut Perdana Menteri, majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Malaysia di Jitra dua minggu lalu dan Rumah Terbuka Krismas di Melaka Sabtu lalu serta sambutan tahun baru 2003 di ibu negara semalam membuktikan bahawa tuduhan Malaysia mempunyai risiko diserang penggganas tidak berasas sama sekali.

“(Dalam majlis-majlis berkenaan) saya melihat kalau-kalau ada penggganas, tetapi tidak ada penggganas, sedangkan ia merupakan satu peluang kepada mereka kerana ramai orang menghadirinya sampai bersesak-sesak.

“Tetapi semalam orang ramai berasa amat selamat serta gembira menyambut (tahun baru) dan mereka terdiri daripada pelbagai kaum, Melayu, Cina dan India,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas menghadiri majlis rumah terbuka sempena tahun baru 2003

anjuran Presiden Parti Progresif Penduduk, Datuk M. Kayveas di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Pada 21 Disember lalu, lebih 100,000 orang termasuk rakyat dan menteri-menteri kabinet Thailand menghadiri majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri Malaysia di Jitra, Kedah.

Majlis Rumah Terbuka sempena Krismas di Melaka, Sabtu lalu pula dihadiri oleh kira-kira 100,000 orang termasuk mereka yang tidak beragama Kristian.

Semalam, lebih 200,000 warga kota membanjiri ibu negara termasuk 100,000 yang menyertai sambutan utama di Da-

taran Menara Berkembar Petronas.

Dr. Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali menghadiri ketiga-tiga majlis tersebut.

Menurut Perdana Menteri, tuduhan yang menyatakan bahawa Malaysia adalah tidak selamat amat mengarut dan tidak

dapat difahaminya sama sekali.

“Sebenarnya, semua negara terbabit yang membuat tuduhan terhadap Malaysia, sebenarnya yang tidak selamat.

“Kita lihat mereka diancam lagi dengan serangan penggganas yang baru, sedangkan di Malaysia, kita selamat,” ujarnya.